

Rugi jika abaikan industri halal - PM

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu industri halal negara ditingkatkan berikutan minat yang mendalam yang ditunjukkan oleh negara-negara serantau seperti China, Vietnam, Laos, Kemboja, Jepun dan Korea Selatan dalam perkara tersebut.

Perdana Menteri menyifatkan ia sebagai kerugian besar jika industri halal tidak diberi perhatian sepenuhnya sedangkan industri itu diiktiraf dan dibicarakan oleh negara asing.

“Sijil halal kita diiktiraf sebagai berkualiti tinggi, jadi kita perlu menggunakan peluang ini untuk kembangkan industri.

“Pensijilan halal perlu dipastikan lebih efisien dan cepat kerana isu ini kritikal,” katanya ketika merasmikan Global Halal Summit (GHaS) 2023 di sini, semalam.

Anwar berkata, pensijilan halal harus diangkat supaya menjadi contoh dari segi kecekapan, penyelidikan yang bermutu dan keupayaan memberi kelulusan halal tanpa kerenah birokrasi.

“Sebab itu, saya katakan sinergi antara pensijilan dan pro-



ANWAR Ibrahim melihat antara produk yang dipamerkan selepas merasmikan Sidang Kemuncak Halal Global di Kuala Lumpur, semalam.

mosi perdagangan perniagaan itu penting,” katanya.

Beliau menyeru supaya industri halal memberi ruang bagi industri tempatan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) maju bersama.

“Kalau halal tetapi kita tak beri peluang kepada peniaga kecil dan menengah dari Tanjung Karang ke Manik Urai supaya dapat perkenal industri mereka, kita belum dapat mengatakan

bahawa kita memberikan upaya dan alternatif ekonomi Islam yang membanggakan,” katanya.

Sebab itu, beliau meminta supaya semua agensi, jabatan dan kementerian bekerjasama membangunkan industri halal.

Katanya, sebuah jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi diwujudkan untuk menyelaraskan soal industri halal.